

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN MAJALAH KHIDMAT

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 10 OCT 1990

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Dr. Yusof Noor,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri;  
Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Sarji,  
Ketua Setiausaha Negara;  
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan,  
Saya mengucapkan terima kasih kepada MAMPU kerana menjemput saya melancarkan KHIDMAT, Majalah Perkhidmatan Awam Malaysia ini.

2. Saya mengalu-alukan penerbitan KHIDMAT, iaitu majalah rasmi perkhidmatan awam, yang akan menyebarkan maklumat-maklumat dan memberi penerangan tentang dasar-dasar berkaitan dengan soal-soal pentadbiran, pengurusan dan pembangunan negara. Saya berharap majalah ini akan membawa idea-idea baru yang bermanfaat kepada perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. KHIDMAT pada hakikatnya adalah satu alat komunikasi. Oleh itu haruslah kita semua memastikan perkhidmatan awam mempunyai kesungguhan dan komitmen yang tinggi untuk mempertingkatkan mutu komunikasi dalam pentadbiran awam. Usaha ini adalah satu aspek yang akan menentukan keberkesanan serta kecekapan pentadbiran awam. Saya percaya KHIDMAT akan dapat menampung keperluan pelbagai pihak yang ingin mengetahui tentang urusan kerajaan dengan lebih mendalam.

4. Kumpulan pertama yang akan mendapat manfaat daripada penerbitan ini ialah anggota perkhidmatan awam sendiri. Kerajaan berharap KHIDMAT akan mempertingkatkan pengetahuan kakitangan awam dalam hal-hal pentadbiran, pengurusan dan pembangunan negara. Kumpulan kedua yang harus membaca majalah ini ialah sektor swasta. Dengan memberi penerangan yang tepat, urusan pihak swasta dengan agensi-agensi awam dapat dipermudahkan dengan mengetahui seberapa banyak yang boleh mengenai prosedur-prosedur yang diperlukan oleh kerajaan dan agensi-agensinya. Secara begini juga kita dapat menjalin persefahaman antara sektor awam dan swasta iaitu menjadikan Persyarikatan Malaysia atau Malaysia Incorporated sebagai satu realiti.

5. Di samping itu orang awam yang sering berurusan dengan agensi-agensi kerajaan, harus juga membaca majalah ini, khususnya dalam memahami operasi dan prosedur jentera kerajaan. Dengan memenuhi kehendak golongan-golongan tersebut, saya berharap KHIDMAT akan dapat menyumbang ke arah peningkatan perhubungan di antara kakitangan kerajaan dengan golongan-golongan di luar perkhidmatan awam.

6. Kerajaan berbangga dengan usaha untuk melipatgandakan kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia. Usaha-usaha seperti penerbitan majalah ini jelas menunjukkan bahawa konsep Persyarikatan Malaysia dapat dilaksanakan andainya terdapat kesungguhan antara kedua-dua pihak. Kepada pihak MAMPU dan Berita Publishing Berhad, saya mengucapkan tahniah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Secara kasarnya pentadbiran kerajaan telah berjaya mempertingkatkan prestasinya. Kerajaan telah merakamkan peningkatan prestasi ini secara terbuka dalam manifesto parti pemerintah. Setakat ini jentera pentadbiran kerajaan mempunyai rekod pencapaian yang baik dan telah mendapat pujian daripada negara-negara Komanwel dan Bank Dunia.

8. Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan persekutuan serta pentadbiran kerajaan negeri-negeri telah memudahkan berbagai-bagai peraturan untuk kesenangan orang ramai dan pihak swasta, terutama untuk para pelabur membuat urusan dengan agensi-agensi awam. Perkhidmatan kaunter serenti telah diperkembangkan dan perkhidmatan tersebut didapati memberi khidmat yang lebih mesra pada masa ini. Kerajaan yakin bahawa orang ramai telah menyedari perkembangan-perkembangan yang membawa manfaat kepada mereka itu.

9. Kerajaan berharap setiap anggota perkhidmatan awam akan berbangga dengan pencapaian setakat ini. Walau bagaimanapun, kita haruslah berbangga hanya untuk menggalakkan kita memberi perkhidmatan yang berkualiti, serta meningkatkan lagi produktiviti dan kecemerlangan perkhidmatan kita. Janganlah sekali-sekali kita berbangga sehingga melalaikan diri kita. Banyak lagi yang harus kita perbaiki untuk mencapai satu tingkat produktiviti dan prestasi yang lebih setimpal dengan harapan rakyat dan negara.

10. Dasar Persyarikatan Malaysia telah membawa hasil yang boleh dibanggakan juga. Walaupun semangat dasar tersebut belum benar-benar diamalkan oleh setiap orang anggota perkhidmatan awam dan juga swasta, mereka yang berkhidmat di agensi-agensi yang berurusan dengan pihak swasta telah sedikit sebanyak menunjukkan penerimaan mereka. Makin ramai yang menyedari bahawa sektor swasta yang maju dan berkembang adalah berfaedah untuk ekonomi dan kebajikan negara, serta berfaedah juga untuk perkhidmatan awam sendiri.

11. Dasar penswastaan pula telah dapat dilaksanakan secara berperingkat dengan jayanya. Penswastaan setakat ini telah

membuktikan bahawa dasar ini dapat terus menjamin kebajikan kakitangan agensi-agensi berkenaan. Bahkan majoriti kakitangan telah memilih untuk terus berkhidmat dengan agensi-agensi yang diswastakan dengan menikmati faedah-faedah yang bertambah. Dasar ini akan diteruskan lagi secara agresif dan teliti. Kejayaan penswastakan akan meningkatkan hasil Kerajaan dan pendapatan Kerajaan ada kaitan secara langsung dengan faedah bagi kakitangan Kerajaan yang tidak diswastakan.

12. Kerajaan adalah komited untuk memperbaiki segala perkhidmatan awam terutama perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat. Proses meningkatkan penggunaan automasi atau penggunaan alat-alat komputer, mesin-mesin dan teknologi-teknologi pentadbiran yang moden di agensi-agensi kerajaan akan dipertingkatkan lagi secara berterusan. Kerajaan yakin peningkatan automasi ini akan juga meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Kerenah-kerenah pentadbiran terutama yang berkaitan dengan orang ramai dan pihak swasta akan terus dikaji dan diperbaiki. Untuk mencapai satu tingkat perkhidmatan yang berkualiti, kerajaan juga akan meneruskan pengendalian latihan-latihan yang sesuai untuk kakitangan kerajaan. Dengan berjayanya usaha-usaha kita pada tahun-tahun yang lalu, kerajaan yakin perkhidmatan awam akan berjaya meningkatkan perkhidmatan mereka ke peringkat perkhidmatan yang lebih berkualiti pada masa yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur majlis pelancaran ini. Saya percaya majalah KHIDMAT ini akan berjaya membawa kemajuan kepada perkhidmatan awam dan kepada negara kita amnya. Dengan keyakinan itu saya dengan sukacitanya melancarkan majalah KHIDMAT ini.

Wabillahi taufik, walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.